



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN Pengerusi Kontrak Mahkamah Perusahaan Malaysia, Jawatan Gred Utama C (Terbuka) Selama (2 + 2) Tahun

Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) adalah sebuah tribunal yang merupakan badan tunggal berperanan untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan pembuangan kerja, perjanjian kolektif dan pertikaian perusahaan di antara majikan, pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja yang berkaitan. MPM telah ditubuhkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].

Salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Sumber Manusia di bawah Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) yang melibatkan MPM ialah **Reformasi Mahkamah Perusahaan Malaysia dan Mahkamah Buruh dimana fokus utama adalah:**

- a) Memendekkan Tempoh Masa Proses Pengadilan;
- b) Mengurangkan Kes-Kes Tertunggak di Mahkamah Perusahaan Malaysia dan Mahkamah Buruh; dan
- c) Menambah Baik Fasiliti dan Kemudahan di Kedua-dua Mahkamah.

Sebagai salah satu inisiatif ialah dengan melantik semula seorang Pengerusi yang berpengalaman luas dalam bidang perundangan perburuhan iaitu YA Ong Wai Leong bagi penggal kelima berkuat kuasa mulai 1 Jun 2025 sehingga 31 Mei 2029.

Pelantikan semula ini merupakan pengiktirafan kepada komitmen, profesionalisme dan integriti tinggi beliau dalam menjalankan tugas sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia sejak tahun 2016. Sepanjang perkhidmatan beliau, YA Tuan Ong Wai Leong telah mengendalikan sebanyak 1,161 kes dan berjaya menyelesaikan 1,060 kes. Beberapa award beliau turut akan diterbitkan dalam buku kompilasi Award Mahkamah Perusahaan Malaysia sebagai rujukan penting dalam bidang perundangan perburuhan.

Pelantikan ini akan terus menyumbang kepada peningkatan kecekapan MPM dalam mencapai KPI yang ditetapkan di bawah Kerangka Strategik Malaysia MADANI, terutama dalam aspek mempercepatkan proses pengadilan dan mengurangkan kes-kes tertunggak.

MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
26 MEI 2025

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	